

BAB IV

SEJARAH PERKEMBANGAN AJARAN SESAT DI HULU BESUT

4.1. AJARAN SESAT DI HULU BESUT

Terdapat satu kumpulan ajaran sesat di Hulu Besut yang didapati telah lama menjalankan kegiatan pengajaran dan perjumpaan antara pengikut dan guru. Ajaran yang dikenali dengan nama ‘Zikrullah Ayah Pin’ atau ‘Ratib Kuat Ayah Pin’ ini mula dikesan oleh pihak berkuasa sejak tahun 1985. Ajaran ini merupakan pecahan dari ajaran Hasan Anak Rimau yang pada asalnya bergerak di Kg. Batu 13, kemudiannya berpindah ke Bukit Mas. Akhirnya Ayah Pin telah membentuk suatu ajarannya yang dan mempunyai para pengikutnya sendiri.¹

4.2. PENGASAS

4.2.1. Latar belakang pendidikan.

Pengasas atau guru bagi kumpulan ini ialah ‘Ayah Pin’ atau nama penuhnya ialah Arifin bin Mohamad. Berusia dalam lingkungan 55 tahun. Beliau menetap di kawasan yang beralamat Kg. Batu 13, Tenang, Bukit Payong, Hulu Besut, Terengganu.²

Latar belakang pendidikan Ayah Pin tidak diketahui dengan jelas. Setakat pengetahuan para penduduk kampung setempat, beliau tidak pernah merantau demi

¹ Temu bual pada 12 Julai 2000 dengan salah seorang anggota keselamatan yang bertugas memantau kegiatan kumpulan ini sejak awal tahun 90-an. Beliau tidak mau identitiinya dicatat oleh penyelidik di atas sebab-sebab keselamatan dan kerahsiaan pihak berkuasa.

² Temubual dengan bekas pengikut Ayah Pin, 9 Julai 2000.

menuntut dan mendalami ilmu agama. Bahkan beliau sendiri tidak menampakkan kecenderungan terhadap ilmu-ilmu agama sebelumnya, sehingga beliau mendapat seorang menantu yang bernama 'Hasan Anak Rimau' yang berasal dari Bukit Mas.

Hasan Anak Rimau merupakan salah seorang guru tariqat yang sesat dan mempunyai ramai murid pada masa itu. Usia Hasan melebihi usia Ayah Pin (mertua). Oleh yang demikian, Ayah Pin pada peringkat awalnya menjadi pengikut setia kepada Hasan Anak Rimau yang dikenali di kalangan pengikutnya sebagai 'Tok Ayah Haji Hasan', menjalankan aktiviti awalnya di Kg. Batu 13, setelah berkahwin dengan anak perempuan Ayah Pin. Walau bagaimana pun, telah nampak tanda-tanda awal bahawa Ayah Pin akan maju ke hadapan selepas Hasan Anak Rimau suatu masa nanti.³

Sebelum itu, ajaran 'Tok Ayah Haji Hassan'⁴ ini telah pun bertapak kukuh di Bukit Mas, Tanah Merah, Kelantan. Beliau juga pernah dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa atas sebab menyebarkan ajaran sesat. Lantaran itu beliau pernah dimasukkan ke dalam lokap balai Polis Bachok, Kelantan. Pernah juga dijatuhi hukuman buang daerah ke Klang,

³ *Ibid*

⁴ Beliau berasal dari Bukit Cetok, Pasir Mas. Kemudian menetap di Bukit Mas, Tanah Merah, Kelantan bersama keluarganya. Semasa usia remajanya tidak pernah belajar tentang agama bahkan banyak melakukan perkara-perkara maksiat dan perkara-perkara yang bertentangan dengan syariah sehingga beliau telah digelar 'Anak Rimau'. Beliau telah menggunakan rumahnya sendiri sebagai pusat pengajaran di samping tempat-tempat lain seperti di Kota Bharu, Pasir Putih, Bachok, Tanah Merah, Machang dan Besut. Jumlah pengikutnya dianggarkan lebih kurang 50-70 orang. (Dlm. Berita Majlis MUIK, keluaran Jan-Dis 1986, Bil. 4, Kota Bharu, terbitan Unit Penerbitan MUIK, 1986, hal: 14)

Selangor. Menurut salah seorang bekas pengikutnya, beliau telah meninggal dunia semasa dalam tahanan. Antara isi kandungan ajaran Hasan Anak Rimau yang berbentuk tariqat seperti:

1. Tariqat Maghrib. Ianya diamalkan selepas solat Maghrib.
2. Tariqat Isya'. Ianya diamalkan selepas solat Isya'.
3. Tariqat Subuh. Ianya diamalkan selepas solat Subuh.

Manakala pengajaran tentang hukum hakam pula diadakan selepas majlis ratib yang dilakukan secara bergerak dari pusat ke pusat yang lain dengan mewajibkan setiap pengikutnya hadir.⁵

Semasa hayatnya beliau pernah membuat beberapa pengakuan kepada pengikutnya, antaranya beliau mengaku pernah ‘mi^{raj}’ ke langit sampai ke *Sidratul Muntaha*⁶ dan beliau juga mengatakan bahawa diri kita inilah ‘Tuhan’.⁷

Manakala sejarah hidup dan latar belakang Ayah Pin juga tidak jauh berbeza dengan Hasan Anak Rimau dari sudut peribadi dan tingkah laku yang cenderung kepada perkara-perkara yang bertentangan dengan syara^c. Sejak usia mudanya lagi Ayah Pin teramat suka dengan aktiviti-aktiviti perjudian. Antara permainan yang sering menjadi arena

⁵ Berita Majlis MUIK, keluaran Jan-Dis 1986, Bil. 4, Kota Bharu, terbitan Unit Penerbitan MUIK, 1986, hal: 14

⁶ Panel Penyelidik MUIK, *Memerangi Ajaran Sesat*, K. Bharu: Penerbit Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, 1987, hal: 3

⁷ Berita Majlis MUIK, *op.cit*, hal: 14

perjudiannya ialah bertaruh gasing, berlaga ayam, berlaga ikan pelaga dan sebagainya lagi. Hobinya tidak terhenti setakat itu sahaja, bahkan beliau akan bertaruh dalam apa perkara sahaja jika dilihatnya ada peluang untuk diadakan pertaruhan.⁸

Ayah Pin pernah membuat pengakuan bahawa beliau telah menipu semua pengikutnya dengan dakwaan pernah bertemu dengan Allah dan rasulullah s.a.w. dalam keadaan jaga. Beliau juga mengaku tidak pernah belajar agama serta jahil dalam masalah fardhu ain. Antara lain dalam pengakuannya, beliau mengaku tidak pernah solat Jumaat atau belajar agama dari mana-mana u^{clama}' atau guru yang mu^ctabar, malah apa yang diajarnya hanyalah zikir yang dipelajarinya dari Tok Guru Mad Bakok, Tok Ngah Ali dan Hasan Anak Rimau sendiri yang mengambil ayat-ayat al-Quran secara rambang serta tidak tahu membaca dan tidak memahaminya.⁹

Sebagaimana kebanyakan kumpulan ajaran sesat yang terdapat di Malaysia, eksplorasi seks dari kalangan wanita juga menjadi amalan bagi seorang guru seperti Ayah Pin yang dikatakan 'mewah' dengan wanita. Ada pengikutnya yang sanggup menyerahkan saudara perempuan, anak dan sebagainya untuk Ayah Pin samada untuk dijadikan isteri atau sebaliknya. Beliau pernah dijumpai sedang bersantai bersama lima orang perempuan yang bukan muhrimnya di wakaf kecil yang dibina di dalam

⁸ Temubual dengan Pak Ghani (Abdul Ghani b. Abd. Rahman), Penolong Hal Ehwal Agama Daerah Besut, Bahagian Penguatkuasa Syariah Daerah Besut, pada 12 Oktober 2000.

⁹ *Utusan Malaysia*, 16 Januari 1995.

kawasannya. Ianya pernah diakui sendiri oleh seorang perempuan yang terlibat dalam eksplorasi dan aktiviti ini. Wanita tersebut ialah seorang janda yang masih muda jelita.¹⁰

Beliau terkenal di kalangan pengikutnya sebagai seorang guru yang amat pemurah. Senang menghulurkan bantuan kepada para pengikut yang memerlukan pertolongan dan bantuannya sehingga sanggup membenarkan dari kalangan pengikutnya tinggal bersama dalam kawasan (tanahnya), walau pun pada hakikatnya ibarat telunjuk lurus kelinking berkait. Beliau dikenali oleh pengikutnya sebagai seorang suka ‘belanja’ siapa saja yang makan dan minum di kedai kopi bersamanya.¹¹

Walaupun dikenali sebagai pemurah oleh para pengikutnya, ternyata beliau bukanlah seorang yang menitik beratkan soal persaudaraan dan silaturrahim. Beliau sendiri sanggup memutuskan persahabatan dengan sahabat karibnya yang dikenali dengan nama Mohd. Nor¹² setelah mereka bercanggah pendapat dalam perkara berkaitan dengan akidah. Bahkan beliau sendiri tidak lagi bertegur sapa dengan anak kandung perempuannya sendiri (balu Hasan Anak Rimau) walau pun mereka berdua tinggal bersebelahan.¹³

¹⁰ Temubual dengan bekas pengikut, pada 9 Julai 2000, *op. cit.*

¹¹ Temubual dengan Pak Ghani, *op. cit.*

¹² Menurut Pak Ghani, Mohd Nor merupakan bekas salah seorang murid kanan Ayah Pin suatu masa dulu. Sekarang beliau telah keluar dari kumpulan Ayah Pin dan muncul sebagai salah seorang pembantu pihak berusaha membentengi kumpulan ini.

¹³ Temubual dengan Pak Ghani, pada 12 Oktober 2000, *op. cit.*

Ayah Pin tidak pernah menunaikan solat Jumaat di masjid. Hanya turun berjemaah di suara dalam kawasannya jika ada perjumpaan dengan pengikut atau ada aktiviti tertentu sahaja. Menurut bekas pengikutnya lagi, Ayah Pin juga mempunyai fatwanya yang tersendiri berkaitan dengan melihat anak bulan Ramadhan (puasa) dan anak bulan Syawal (hari raya puasa). Mereka juga pernah merayakan hari raya Aidil Fitri lebih awal. Bila ditanya tentang puasa, bekas pengikutnya mengatakan bahawa beliau kurang pasti kerana beliau tidak pernah melihat Ayah Pin atau salah seorang dari pengikutnya makan di siang hari. Walau bagaimana pun tidak pernah pula diadakan majlis berbuka puasa di sana.¹⁴

Pada Disember 1994, beliau telah membuat pengakuan kepada pihak berkuasa agama bahawa beliau sendiri mengaku tidak pernah belajar agama sejak dari usia muda atau remajanya. Ianya juga diketahui oleh para pengikutnya sendiri yang terdiri dari berbagai golongan.¹⁵

Sebagai mana kebanyakan tok guru ajaran sesat yang lainnya, Ayah Pin juga tidak mempunyai sebarang pekerjaan yang tetap yang dapat dianggap sebagai sumber pendapatan tetap bagi menyara kehidupannya bersama empat orang isteri dan anak-anak. Pun begitu Ayah Pin memiliki sebuah kereta untuk kemudahannya ke sana ke mari. Sudah tentu ianya hasil sumbangan dari para pengikutnya yang sentiasa rela berkorban apa sahaja demi tok guru mereka. Menurut salah seorang bekas pengikutnya juga, beliau

¹⁴ Temubual dengan bekas pengikut, 9 Julai 2000, *op.cit.*

¹⁵ Temubual dengan Pak Ghani, *op.cit.*

pernah mendengar khabar angin dari kalangan pengikutnya sendiri bahawa Ayah Pin mempunyai hubungan dengan salah sebuah persatuan agama Budha di Malaysia yang menjadi salah satu pihak penyumbang kewangan bagi kumpulan ini.¹⁶

4.3. ASAS PENGAJARAN

Menurut Bahagian Penyelidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)¹⁷, bahawa ajaran Ayah Pin mungkin disedut daripada ajaran tariqat yang mengamalkan zikir kuat dan lain-lain amalan, di antara butir ajaran yang diceritakan ialah:

- 1) Tuhan adalah manusia.
- 2) Tidak perlu percaya kepada Rasulullah s.a.w. kerana beliau juga manusia biasa dan kita boleh mengatasinya dengan zikir.¹⁸
- 3) Berzikir adalah lebih afodal dari solat lima waktu yang jika seseorang itu telah mendapat ilham, zauq, kasyaf, maka solat lima waktu digugurkan.
- 4) Syurga adalah terhad kepada pengikutnya sahaja dan kunci syurga hanya ada pada tangan beliau sahaja. Ada pun orang seperti babi sahaja (kotor lagi najis).
- 5) Solat lima waktu tidak wajib.¹⁹

¹⁶ Temubual dengan bekas pengikut, 9 Julai 2000, *op.cit*.

¹⁷ Temubual pada 6 September 2000 dengan Ustaz Padzal b. Haji Mohktar, Ketua Penolong Pesuruhjaya Bahagian Penyelidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

¹⁸ *Ibid*

¹⁹ Ianya dikenali juga dengan menunaikan solat dengan ‘niat sahaja’ tanpa perlu menyempurnakan rukun-rukun, serta tidak perlu juga memenuhi syarat-syarat sah solat. Bahkan sempurna semuanya hanya dengan niat.

- 6) Guru ajaran ini berada di mana sahaja makhluk berada.
- 7) Ayah Pin pernah mendakwa dirinya sebagai Tuhan.
- 8) Cuma dirinya sahaja yang berkuasa melantik dari kalangan muridnya bagi menyandang gelaran wali Allah serta menentukan darjatnya.
- 9) Pengikut jika hendak mengerjakan solat dan berzikir, terlebih dahulu mesti menggambarkan wajah guru sebelum mengingati Allah.
- 10) Mendakwa dirinya diresapi roh nabi dan sampai waktunya nanti dia akan bertukar menjadi Imam Mahadi.
- 11) Pengikut mesti mengorbankan harta benda bila diperlukannya.
- 12) Mendakwa dirinya sudah mikraj ke langit dan duduk di atas *arasy*.
- 13) Mendakwa ada menerima senarai pengikut dari Tuhan.
- 14) Tidak sah solat berimamkan orang lain selain darinya kerana martabatnya lebih tinggi dari orang lain sekelian.
- 15) Mendakwa dirinya akan menjadi Perdana Menteri di akhirat nanti.
- 16) Rukun Islam dan hukum-hukum syara^c seperti puasa, zakat dan lain-lain itu tidak ada kena mengena dengan Tuhan.²⁰
- 17) Pergi menuaikan haji ke Mekah adalah perbuatan yang sia-sia.
- 18) Masuk Subuh adalah berpanjangan hingga ke Zohor.
- 19) Kiamat tidak akan berlaku kerana Allah bukannya bodoh untuk menghancurkan alam ini setelah menciptakannya.

²⁰ Temubual dengan Ustaz Padzal b. Haji Mohktar, *op.cit*.

- 20) Jika seorang anak Adam yang hampir dengan ajalnya, Allah akan datang bersalamam dengannya dan tidak perlu lagi diajarkan kepadanya mengucap dua kalimah syahadah.
- 21) Kalau seseorang itu hendak menjadi seorang Islam, maka hendaklah dia menjadi kafir terlebih dahulu.
- 22) Al-Quran yang ada sekarang bukanlah al-Quran yang sebenarnya.
- 23) Semua ‘alim ‘ulama’ dan tok guru sekarang penipu kerana menyembunyikan ajaran yang sebenarnya.
- 24) Sembahyang Jumaat tidak wajib.
- 25) Ayah Pin lah satu-satunya orang yang boleh membawa Islam yang sebenar sebagaimana zaman Rasulullah s.a.w.²¹
- 26) Mereka sentiasa merendah-rendahkan mereka serta memperlekehkannya. Mereka juga tidak mengaku sebagai pengikut Ahli Sunnah Wal Jama‘ah. Hanya aliran yang mereka cipta sahaja diyakini tepat dengan kehendak Allah s.w.t.²²
- 27) Beliau menyatakan bahawa kitab Injil diturunkan kepada Musa as-Sāmiri, bukannya kepada Musa ibnu Maryam a.s.
- 28) Mendakwa telah berjumpa dengan tuhan sebanyak empat kali.²³

²¹ Menurut Ustaz Padzal, butir-butir pengajaran ini didapati dari pengikut-pengikut beliau dan bukannya dari mulut Ayah Pin sendiri disebabkan tidak ada bukti bertulis dan kerahsian yang kukuh serta tipu daya yang licik.

²² Temubual dengan bekas pengikut, 9 Julai 2000, *op.cit*

²³ Temubual dengan Pak Ghani, pada 12 Oktober 2000, *op. cit*.

Menurut bekas pengikutnya, pengajaran Ayah Pin tidak mempunyai sebarang asas²⁴. Ianya hanya dicipta sendiri oleh Ayah Pin setelah terpisah dari ajaran Hasan Anak Rimau yang kembali semua ke Bukit Mas, Tanah Merah, Kelantan. Ajarannya ini juga tidak mempunyai sebarang sandaran atau panduan bertulis seperti kitab tertentu dan sebagainya. Walau pun demikian, ianya amat diyakini oleh para pengikut bahawa Ayah Pin merupakan seorang utusan Allah yang membawa kebenaran di akhir zaman.

Secara zahir, ajaran ini berdasarkan amalan tariqat dengan zikir-zikir yang diamalkan. Ayah Pin juga dianggap sebagai segalanya oleh para pengikut seolah-olah menyamai konsep *Syiekh Mursyid* dalam amalan tariqat. Kebiasaannya, selepas berzikir mereka adakan perbincangan yang diselangi dengan nasihat oleh guru kepada murid-muridnya. Ayah Pin juga memperuntukkan masanya untuk mentafsir mimpi para ahli yang mereka anggap sebagai petunjuk dari Allah.²⁵

Contoh petunjuk pertama, seorang pengikut telah mendakwa telah melihar seekor kuda putih pada waktu Maghrib. Kuda yang ditunggang oleh dua orang lelaki itu menghampiri tempat mereka berkumpul. Lalu Ayah Pin menjawab bahawa kedua lelaki yang menunggang kuda putih itu ialah utusan Tuhan yang datang memerhatikan kegiatan kumpulan mereka yang sedang menjalankan perintah-Nya.²⁶

²⁴ Ayah Pin sendiri pernah mengaku kepada pihak berkuasa Syariah pada Disember 1994 bahawa beliau tidak pernah mempelajari ilmu agama semasa usia muda dan remajanya. Walau bagaimana pun, sukar untuk kita menafsirkan motif pengakuan Ayah Pin yang sebenarnya, samada Ayah Pin mahu mengaku salah atau seolah-olah mahu menunjukkan kehebatannya menerima ilmu tariqat dan sebagainya secara ‘ladunni’ dari tuhan.

²⁵ Temubual dengan Pak Ghani, pada 12 Oktober 2000, *op. cit.*

²⁶ Temubual pada 12 Julai 2000, *op. cit.*

Contoh kedua, seorang pengikut telah bermimpi berjumpa dengan seorang wanita di Semerak, Pasir Puteh, Kelantan. Wanita tersebut bertanyakan tentang Ayah Pin. Ayah Pin memberikan jawapannya bahawa wanita itu bernama Raden Mas Ayu. Beliau juga merupakan utusan Tuhan yang mengenali Ayah Pin.

Contoh ketiga, seorang pengikut mendakwa bermimpi berjumpa dengan seorang lelaki yang berpakaian (jubah) kuning memegang buah tasbih di sebuah wakaf yang dikelilingi padang pasir. Ayah Pin memberikan jawapannya bahawa padang pasir itu ialah Tanah Suci Mekah, manakala lelaki itu ialah utusan Tuhan untuk membimbing umat manusia ke jalan kebenaran.²⁷

Ayah Pin mendakwa perjuangan bersama pengikutnya adalah perintah Tuhan untuk menyatu padukan umat Islam tanpa mengira anutan. Bahkan dalam kesesatannya itu, Ayah Pin pernah mendakwa bahawa beliau dan Tuhan merupakan sahabat baik seperti isi dan kuku yang tidak dapat dipisahkan.²⁸

4.3.1. Lagu-lagu nasyid

Ajaran ini dianggarkan mempunyai lebih kurang 74 lagu nasyid yang dicipta dan digubah sendiri oleh para pengikut. Mereka mendakwa bahawa lagu-lagu yang digubah

²⁷ Mengikut bekas pengikut Ayah Pin, beliau pernah mengaku semasa sesi muzakarah dengan pihak berkuasa tentang petunjuk dan tafsiran mimpi para pengikutnya bahawa jawapan yang diberikan berdasarkan firasatnya semata-mata tanpa ada sebarang panduan atau petunjuk lain.

²⁸ Temubual pada 12 Julai 2000, *op.cit*.

adalah hasil petunjuk yang diperolehi oleh para pengikut. Kebanyakan seni katanya berasaskan pujian serta mengangungkan pemimpin mereka, iaitu Ayah Pin yang juga dipercayai akan lahir sebagai Imam Mahdi suatu masa nanti. Walau bagaimana pun, lagu-lagu nasyid yang siap digubah kemudiannya dinyanyikan oleh para pengikut wanita. Antara senikata/ lirik lagunya ialah:²⁹

4.3.1.1. Pemimpin yang unggul.

Dialah utusan yang dicari-cari

Pemimpin yang unggul berilmu hakiki

Terlantik sudah pemimpin tertinggi

Menjadi tumpuan sekelian insan

Jendela dunia.....dan dunia ghaib telah terbuka

Berduyun-duyun insan menundukkan diri

Meminta keredhaan dari Maha Pencipta

Kehadiran utusan di Nusantara

Penuh kecanggihan dan keanihan

Kesinambungan perjuangan para kerasulan

Di Nusantara lindungan dari Tuhan

Terhimpun segala rahsia keilmuan

²⁹ Penyelidik hanya dapat memperolohi tiga buah lagunya sahaja pada Julai 2000 melalui seseorang yang tidak mahu

Menjelang arus teknologi maklumat

Insan yang beramalan baik yang mendapat berkat

Ke jalan ketuhanan, jalan yang selamat

Bersua utusan Allah dari dunia ke akhirat.³⁰

4.3.1.2. Pemimpin manusia.

Abad yang ke-15 sudah menjelma manusia satu manusia

Imam Mahdi Ya Rasulullah

Itulah manusia yang sebenar-benarnya

Memimpin manusia dari yang tidak tahu

Mari manusia yang berseru-seru

Manusia sekelian manusia

Mari manusia berjumpa

Raja manusia sekelian manusia

Imam Mahdi Ya Rasulullah

Hai... sekelian manusia

Mari kita beriman

Dengan Imam Mahdi Ya Rasulullah.³¹

identitinya didebakkan meskipun mendakwa sering mengikutinya tetapi bukanlah dari kalangan pengikut setia ajaran Ayah Pin.

³⁰ Lagu ini kironnya diperolehi oleh seorang ahli yang berasal dari Malim Nawar, Perak. Beliau ialah Summaila bt. Bakri yang telah mendakwa bahawa beliau mendapat petunjuk dari Allah s.w.t. dalam kendaan sedar ketika beliau sedang berzikir di dalam hati.

³¹ Lirik dan lagu dicipta oleh Yaacob bin Idris. Merupakan salah seorang pengikut yang berasal dari Dalam Rhu, Semerak, Pasir Putih, Kelantan.

4.3.1.3. Jalan kebenaran³²

Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Pada manusia sekelian alam

Memberi pinjam segala harta-Nya

Tak kira siapa raja atau hamba-Nya

Pemimpin Ayah Pin mengakhiri zaman

Manusia dibendung kejahanan

Mencari jalan tiada ketahuan

Mencari Tuhan yang menciptakan

Jalan lurus yang azali

Wahyu Tuhan tiada terhenti

Menegaskan kebenaran Islam sejati

Walau ditentang tiada peduli³³

4.4. TEMPAT PENYEBARAN DAN AKTIVITI

Terletak di sebuah perkampungan di Hulu Besut, Kampung Batu 13, Jalan Jertih-Keruak.³⁴ Setelah beberapa tahun Hasan Anak Rimau di situ, beliau pulang semula ke

³² Dicipta oleh salah seorang pengikut dari Pahang pada tahun 1992.

³³ Kctiga-tiga lirik lagu nasyid ini dipercrolchi mclalui tcmu bual pada 5 Julai 2000 secara tidak langsung antara penyelidik dengan seorang tidak mahu identitiinya didedahkan dan harus dirahsiakan dari umum. Beliau juga mendakwa sering mengikutinya (Zikrullah Ayah Pin) tetapi bukanlah dari kalangan pengikut setia Ayah Pin.

³⁴ Berita Harian, 14 Julai 2000, hal: 8

Menurut Ustaz Padzal Haji Mokhtar, Ketua Penolong Pesuruhjaya Bahagian Penyelidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, aktiviti kumpulan ini tidak tertumpu pada satu-satu tempat tertentu sahaja, tetapi sentiasa bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk mencari pengaruh. Pengajaran mereka diadakan secara bergilir-gilir. Di antara tempat-tempat yang pernah berkembang ajaran ini di Negeri Terengganu ialah:

- 1) Batu 13, Tenang, Besut, Terengganu.
- 2) Felda Jerangau, Dungun, Terengganu.
- 3) Kampung Nibong, Sungai Tong, Setiu, Terengganu.
- 4) Kampung Pasir Panjang, Kuala Terengganu.³⁸

4.4.1. Status tanah.

Status tanah yang dijadikan sebagai perkampungan mereka sebagaimana berikut:

Nama pemilik	: C. Minah bt. Ramli (Isteri Ayah Pin)
Mukim	: Tenang, Hulu Besut.
No. Hak Milik	: Lot 2063 PM 293
Jenis Hak Milik	: Pajakan Mukim.
Luas	: 2.0490 hektar.
Kegunaan Tanah	: Dusun Kampung ³⁹ (Lihat lampiran A)

³⁸ Temubual pada 6 September 2000, *op.cit.*

³⁹ *Ibid*

4.4.2. Penduduk/ rumah kediaman.

Hingga kini, penghuni yang tinggal di perkampungan tersebut sebahagian besarnya ialah orang luar dari kampung Tenang, Hulu Besut. Mereka bergotong royong mendirikan rumah-rumah di sekitar rumah Ayah Pin, yang dianggarkan sebanyak 24 buah berukuran lebih kurang 20' X 30' (diperbuat dari kayu), mereka juga berkongsi tinggal di rumah-rumah tersebut apabila berkunjung/ menziarahi Ayah Pin.⁴⁰

Menurut Penguatkuasa Syariah Daerah Besut, mereka yang tinggal berhampiran dengan rumah Ayah Pin menyatakan mereka tiada arah yang hendak dituju. Lantaran itu mereka diberi kesempatan oleh Ayah Pin sekeluarga untuk menetap di dalam tanahnya bersama-sama. Sebahagian besar mereka berasal dari luar Terengganu seperti Kelantan, Pahang, Perak dan sebagainya.

Manakala Ayah Pin sendiri tinggal serumah bersama empat orang isterinya yang di tempatkan di bilik-bilik yang berasingan. Isteri-isterinya dikenali sebagai Mek (berasal dari Beris Kubor Besar, Bachok, Kelantan), Kak Yah (berasal dari Kg. Tualang Tinggi, Pasir Putih, Kelantan), Kak Ma (berasal dari Kg. Gong Datok) dan Kak Zailan (berasal dari Jerangau, Dungun, Terengganu)⁴¹

⁴⁰ *Ibid*

⁴¹ Temubual dengan Pak Ghani, pada 12 Oktober 2000, *op. cit*.

4.4.3. Pelan-pelan tempat kegiatan.

Pelan latar tempat kegiatan dan gambar-gambar tempat kegiatan seperti lampiran B.

4.5. PENGIKUT DAN KEAHLIAN

Menurut bekas pengikut, keahlian bagi kumpulan ajaran ini diterima dengan bersyarat.⁴² Setelah itu akan diadakan upacara tertentu sebagai tanda pengiktirafan sebagai ‘pengikut’. Walau bagaimana pun, setiap pengikut adalah berlainan martabat dan darjah kekuatan amalan dan keyakinan. Oleh yang demikian mereka tidak akan melalui proses atau upacara yang sama. Bahkan upacara juga berbeza mengikut jantina dan status perkahwinan ahli.⁴³

Hingga kini Ayah Pin mempunyai pengikut lebih kurang seramai 200 hingga 300 orang yang terdiri dari berbagai golongan masyarakat seperti golongan profesional, ahli akademik, ahli korporat yang berjaya dan berbagai lagi. Kebanyakannya pula bukan orang tempatan, bahkan sebilangan besarnya datang dari pantai Barat Semenanjung Malaysia.⁴⁴

⁴² Syarat ini juga mestilah dirahsiakan dari sesiapa saja. Kebanyakan mereka hanya mengetahui bahawa ianya mestilah dirahsiakan sahaja. Tetapi tidak pula mengetahui apakah syarat yang telah dipersetujui oleh setiap pengikut yang benar-benar mahu menjadi ahli.

⁴³ Temubual 9 Julai 2000, *op.cit.*

⁴⁴ *Ibid*

Menurut pihak JHEAT, ketika pemantauan dibuat baru-baru ini di antara jam 10 malam hingga 2 pagi didapati orang luar memenuhi kawasan berkenaan yang terdapat 10 buah pondok di dalamnya. Kebanyakan mereka dipercayai datang dari pantai barat.⁴⁵

Menurut penduduk kampung berkenaan, sebahagian besar pengikut ajaran ini mempunyai kedudukan tinggi dan terdiri dari kalangan orang berada yang datang dari luar negeri Terengganu. Beberapa orang penduduk yang sempat ditemui ramah oleh wartawan juga berkata, pada setiap hari Jumaat, terdapat berpuluhan buah kenderaan mewah dengan nombor pendaftaran pelbagai negeri datang berkunjung ke situ.⁴⁶

Mereka sanggup datang dari jauh pada setiap minggu. Pada musim perayaan seperti Hari Raya Puasa dan Korban setiap tahun pula mereka mengadakan kenduri besar-besaran dan datang beramai-ramai. Ajaran ini tidak mendapat sambutan dari penduduk tempatan kerana mereka kebanyakannya mengetahui latar belakang pendidikan Ayah Pin yang tidak seberapa. Tetapi penduduk setempat tidak menghalang kegiatan yang dilakukan bahkan tidak ada sebarang usaha pada zahirnya.⁴⁷

Penyebarannya pula tidak dilakukan secara terang-terangan oleh Ayah Pin. Tetapi perkembangannya bergantung pada anisiatif ahli atau para pengikut yang sedia ada. Kebiasaannya, sasaran utama dakwah mereka ialah anggota terdekat dalam keluarga

⁴⁵ Berita Harian, 14 Julai 2000, *op.cit.*

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ Temubual 9 Julai 2000, *op.cit*

seperti suami isteri, anak-anak dan ipar duai sahaja selain dari rakan-rakan yang paling akrab dengan mereka.⁴⁸

Menurut maklumat dari pihak berkuasa, hingga sekarang kumpulan ini tidak menunjukkan sikap ganas atau mencetuskan pemberontakan. Namun begitu ianya mesti dipantau bagi memastikan mereka tidak akan menggugat keamanan dan ketenteraman awam. Jika ditijau dari sudut politik pula, didapati mereka tidak terlibat dan tidak menonjolkan diri dalam mana-mana pertubuhan politik.⁴⁹

4.5.1. Senarai pengikut.

Senarai nama pengikut Ayah Pin ini diperolehi berdasarkan pemeriksaan pada 17 Jun 1999 di Batu 13, Jalan Hulu Besut, 22010 Jerteh. (Sila lihat lampiran C1 dan C2).⁵⁰

4.6. PEMBINAAN REPLIKA

Selain dari pengajaran yang dilakukan di dalam kawasan tersebut dengan niat dan tujuan tertentu. Penduduk kampung tersebut juga mendapat tahu bahawa ahli kumpulan ini telah membina berbagai replika untuk tujuan tertentu. Mereka membina Kaabah, menggali perigi, membuat bahtera Nabi Nuh dan sebagainya.⁵¹

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Temubual dengan bekas pengikut, pada 9 Julai 2000, *op. cit.*

⁵⁰ Padzal b. Haji Mukhtar, *Laporan Mengenai Ajaran Zikrullah Ratib Kuat Ayah Pin (Ariffin bin Muhamad)*, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), Bahagian Penguatkuasa & Pendakwaan.

⁵¹ Berita Harian, 14 Julai 2000, *op.cit.*

4.6.1. Perigi zam-zam.

Berukuran sedalam lima meter dan berukuran lilit tiga meter, digali berhampiran dengan penempatan kumpulan itu dan kini mereka menjadikannya sebagai tempat pemujaan mereka. Ianya digali secara bergotong royong oleh ahli kumpulan tersebut. Menurut kepercayaan mereka, selain dari tempat mengambil wudhu' oleh pengikut ajaran tersebut, ianya juga boleh menjadi penawar kepada berbagai jenis penyakit.⁵²

4.6.2. Bahtera Nabi Nuh.

Replika perahu berukuran panjang 14 kaki dan lebarnya 5 kaki diperbuat daripada kayu chengal. Berwarna gelap dan terdapat ukiran padanya. Khas untuk perhiasan dan akan menjadi kenangan kepada anak cucu serta pengikutnya apabila beliau tiada kelak. Bergantung pada setiap individu samada akan memperkatakan baik atau buruk terhadap beliau apabila beliau tiada nanti. Bahtera Nabi Nuh sebagai sejarah bagi memperingati sejarah Islam yang lampau. Ianya dibina secara bergotong royong.⁵³

4.6.3. Bangunan tiang 30.

Berukuran 20 kaki lebar dan 70 kaki panjang. Ianya mempunyai 30 batang tiang larik yang diperbuat daripada simen. Sehingga bulan Ogos 2000, bangunan berbentuk dewan ini masih lagi dalam pembinaan. Kos pembinaannya dianggarkan lebih kurang RM 100,000. Ianya hasil sumbangan dari para pengikutnya. Kononnya pembinaan

⁵² *Ibid.*

⁵³ Temubual 9 Julai 2000, *op.cit*

tersebut berdasarkan ‘petunjuk’ yang diperolehi oleh salah seorang pengikut yang bernama Haji Mohamad bin Ya⁵⁴ ketika beliau sedang beramal. Petunjuk berbentuk bangunan tersebut kemudiannya dilukis oleh Kamaruzaman bin Musa,⁵⁵ juga seorang pengikut yang berusia dalam lingkungan 35 tahun. Bangunan Tiang 30 ini dibina secara bergotong royong oleh para pengikut pada hujung minggu sempena perjumpaan tetap yang mereka adakan.⁵⁶

4.6.4. Bangunan tiang 13.

Bangunan ini berbentuk bulat dan mempunyai 13 batang tiang larik. Tiap-tiap satu lingkungan bulatan kini (hingga Ogos 2000), masih dalam pembinaan. Kos pembinaan dianggarkan menelan belanja lebih kurang RM 50,000 hasil sumbangan para ahli atau pengikutnya. Ianya juga hasil dari petunjuk yang diperolehi oleh Haji Mohamad bin Ya. Ianya juga dibina secara bergotong royong oleh para pengikutnya.⁵⁷

4.7. KESAN AJARAN INI KEPADA MASYARAKAT

Di antara kesan ajaran ini kepada masyarakat ialah:

A. Beberapa buah keluarga dalam masyarakat Terengganu telah terpengaruh dengan kumpulan ini dan terseleweng dari ajaran Islam yang sebenarnya.

⁵⁴ Menurut salah seorang pengikut ajaran Hasan Anak Rimau yang mengenalinya Haji Mohamad bin Ya merupakan salah seorang ustaz dan mengajar di Sek. Men. Agama Maahad Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan. Mat Ya sendiri merupakan besan kepada Ayah Pin.

⁵⁵ Kamaruzzaman merupakan seorang pelukis grafik di Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

⁵⁶ Temubual 9 Julai 2000, *op.cit*

⁵⁷ *Ibid*

B. Hubungan kekeluargaan terputus di antara pengamal ajaran ini dengan kaum keluarganya yang lain. Hal ini jelas sebagaimana yang dialami sendiri oleh Ayah Pin yang tidak bertegur sapa dengan anak perempuannya sendiri.

C. Memutuskan hubungan dengan masyarakat dan tidak mengambil bahagian dalam aktiviti sosial dan keagamaan masyarakat setempat seperti majlis-majlis kenduri, tolong-menolong, kematian dan sebagainya. Ayah Pin juga telah memutuskan hubungan dengan sahabat-sabahat karibnya semata-mata apabila sahabat dan orang-orang di bawah pengaruhnya tidak lagi bersetuju dengan ajaran yang dibawa.⁵⁸

D. Kebanyakan keluarga yang terlibat dengan ajaran ini menjadi miskin dan papa disebabkan pengorbanan yang terlalu tinggi kepada tok guru. Ada juga yang sanggup menyerahkan anak perempuan mereka untuk dijadikan isteri tok guru walau pun anaknya masih lagi di bangku sekolah.

E. Pengikut ajaran ini tidak menunaikan solat. Sehingga mereka juga tidak meunaikan solat Jumaat di masjid.⁵⁹

F. Urusan kematian di kalangan mereka hanya diuruskan oleh ahli kumpulan mereka sahaja.

⁵⁸ Temubual dengan Pak Ghani, *op.cit.*

⁵⁹ *Ibid*

4.8. TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL

Di antara tindakan yang pernah diambil ke atas kumpulan ajaran ini ialah:

- 1) Jawatankuasa Ulama' Negeri Terengganu telah mengeluarkan fatwa pada 4 Disember 1997. (Sila lihat lampiran D).
- 2) Beberapa tindakan susulan telah diambil oleh pihak JHEAT terhadap ajaran ini, terutama dalam usaha untuk menyeret penganjurannya ke mahkamah. Sayangnya dakwaan tidak dapat dibuat kerana kesukaran untuk mendapatkan saksi dan barang kes. Ini disebabkan Ayah Pin tidak mengajar secara terang-terangan dan hanya dapat dikesan melalui pengikut-pengikutnya sahaja. Walau bagaimana pun, beberapa siri siasatan, temubual dan perbincangan telah diadakan dengan Ayah Pin. Di antara tarikh-tarikh siasatan, temu bual dan perbincangan yang telah diadakan sebagaimana berikut:

BIL	TARIKH	TEMPAT	PEGAWAI TERLIBAT	LAIN-LAIN KENYATAAN
1	11.9.1991	Pejabat Kadi Besut	1. KPP (Penguatkuasaan) 2. Pegawai Penyiasat Jabatan. 3. Pegawai Penguatkuasa Syariah, Besut. 4. Pegawai Dakwah Besut.	Siasatan dan temubual. ⁶⁰

⁶⁰ Ibid

2	31.12.1994	Batu 13, Tenang.	1. KPP Penyelidikan. 2. KPP Penguatkuasa. 3. Pegawai Penguatkuasa Syariah, Besut. 4. Beberapa orang anggota Polis.	Siasatan dan temubual.
3	14.1.1995	Batu 13, Tenang.	5. KPP Penyelidikan. 6. Pegawai Penyiasat Jabatan. 7. Pegawai Penguatkuasa Syariah Daerah Besut. 8. Pegawai Dakwah Besut.	Dialog dengan Kumpulan Ayah Pin.
4	15.1.1995	Besut	1. Anggota Polis Cawangan Khas	Pengakuan Ayah Pin kepada akhbar. (Sila lihat salinan akhbar yang dilampirkan).
5	2.3.1995 (Hari Raya)	Batu 13, Tenang.	1. Guru Pelawat Agama Kanan Besut.	Siasatan dan mengkaji perkembangan.
6	7.4.1995	Batu 13, Tenang	1. Guru Pelawat Agama Kanan Besut.	Untuk membincangkan tarikh bagi maksud pengajaran agama tetapi Ayah Pin menghilangkan diri. Walau bagaimana pun pengikut kanannya bersetuju diadakan kelas agama pada 7.4.95 (lepas Maghrib). ⁶¹

⁶¹ Menurut Pak Ghani, inilah kali terakhir perbincangan dapat diadakan melalui kerjasama yang baik diberikan kepada pihak berkuasa. Selepas itu, mereka tidak lagi menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa agama bahkan menunjukkan sikap, perbuatan dan percakapan yang sinis jika berhadapan. Pun begitu mereka mempunyai reaksi berbeza bila berhadapan dengan pihak keselamatan. Mereka masih boleh bersikap terbuka dan beramah mesra. Ianya mungkin juga disebabkan pendekatan berbeza pihak keselamatan yang tidak campur tangan berkenaan dengan amalan mereka kerana pihak keselamatan hanya memastikan tidak berlaku perkara-perkara yang boleh menjadikan keamanan.

7	7.4.1995	Batu 13, Tenang.	1. Guru Pelawat Agama Kanan Besut. 2. Pegawai Cawangan Khas.	Tujuan untuk mengadakan kelas agama tetapi pengikut- pengikut Ayah Pin sendiri meninggalkan tempat.
8	9.7.1995	Batu 13, Tenang.	1. Pegawai Agama Daerah Besut 2. KPP Penyelidikan. 3. Pengarah Institut Penyelidikan Pusat Islam. 4. Pegawai Cawangan Khas.	Untuk mengadakan perbincangan dengan Ayah Pin tetapi beliau telah menghilangkan diri dari tempatnya. (Beliau meninggalkan pesan bahawa beliau tidak mahu berjumpa dengan mana-mana pegawai Pejabat Agama atau Pusat Islam).
9	11.7.1995	Batu 13, Tenang.	1. Pegawai Agama Daerah Besut 2. KPP Penyelidikan. 3. Pengarah Institut Penyelidikan Pusat Islam. 4. Pegawai Cawangan Khas.	Untuk berbincang dengan Ayah Pin tetapi beliau menghilangkan diri lagi walau pun telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang kedatangan pegawai.
10	24.3.1998	Mess Polis Negeri Terengganu	1. PKP (Dakwah) 2. Penceramah daripada JHEAT dan JAKIM.	Bengkel Pemulihan Akidah kepada 9 orang bekas pengikut Kumpulan Ayah Pin.
11	30.7.1998	Dewan Syarahan Pejabat Daerah Besut.	1. PKP (Dakwah) 2. Penceramah daripada JHEAT dan JAKIM.	Bengkel Pemulihan Akidah kepada 26 orang bekas pengikut Ayah Pin. ⁶²

⁶² Ibid

3) Tindakan terbaru pada 17.6.1999 jam lebih kurang 10.30 malam, satu rombongan Pegawai Penguatkuasa bersama anggota polis yang dianggarkan seramai 20 orang telah membuat pemeriksaan di Perkampungan Ayah Pin untuk melihat Kelas Pengajaran serta jumlah para pengikutnya yang ada di perkampungan tersebut. Apabila pemeriksaan dibuat, tiada Kelas Pengajaran dibuat pada malam tersebut. Apabila disasat kepada para pengikutnya, mereka menyatakan bahawa pengajaran tidak dibuat lagi dan mereka hanya menziarahi tok guru sahaja. Jumlah pengikut yang dapat didaftarkan pada malam itu sahaja ialah seramai 50 orang termasuk Ayah Pin dan isterinya.⁶³

Menurut Pak Ghani, kebelakangan ini para pengikut Ayah Pin mengambil sikap tidak peduli terhadap pihak berkuasa yang datang untuk berunding atau menyiasat apa yang berlaku di dalam kawasan mereka. Ayah Pin juga sering menghilangkan diri bagi mengelakkan dari berjumpa dengan pihak berkuasa. Menurut Pak Ghani lagi, tanggal 30 Julai 1998 merupakan tarikh terakhir perbincangan dengan pihak Ayah Pin. Selepas itu tiada lagi kerjasama dari mereka. Lebih berat lagi, apabila mereka telah mengaku keluar dari agama Islam bagi tujuan mengelakkan campur tangan pihak berkuasa agama. Pada 7 September 2000, Pak Ghani bersama beberapa orang anggota Polis ke sana untuk bertemu dengan Ayah Pin tetapi Ayah Pin telah pun mengelakkan diri dari bertemu dengan mereka. Walau bagaimana pun, Pak Ghani sempat menyoal siasat salah seorang

⁶³ *Ibid*

pemuda pengikut Ayah Pin yang berusia dalam lingkungan 20-an. Pemuda tersebut sempat mengeluarkan kata-kata sinis bahawa mereka telah keluar dari Islam, apa lagi yang pihak berkuasa mahukan dari mereka?⁶⁴

Menurut Pak Ghani lagi, beliau pernah bercakap dengan isteri-isteri Ayah Pin ketika ke sana. Isteri-isteri meminta agar pihak berkuasa tidak lagi mengganggu suami mereka yang sudah membuat keputusan untuk keluar dari Islam keran tidak tahan dengan gangguan pihak berkuasa agama. Kemudian Pak Ghani bertanya tentang pendirian mereka setelah Ayah Pin keluar dari Islam. Lalu mereka menjawab “kami pun samalah”.⁶⁵

Pihak berkuasa agama daerah buat masa ini sedang menunggu surat pengesahan bersumpah atau akuan berkanun dari pihak Ayah Pin sebagai bukti beliau benar-benar keluar dari Islam. Malangnya hingga sekarang, pihak berkuasa belum menerima apa-apa tindak balas dari Ayah Pin.⁶⁶

⁶⁴ Temubual 12 Oktober 2000, *op. cit.*

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ *Ibid.*

4.9. KESIMPULAN

Sejak akhir-akhir ini apa yang didapati pengajaran atau ratib secara beramai-ramai dan terang-terangan tidak lagi dilakukan mengikut jadual yang tetap bagi mengelakkan pemerhatian pihak berkuasa. Walau bagaimana pun, pihak JHEAT sentiasa memantau pergerakan mereka agar tidak berkembang. Perkembangan terakhir menampakkan helah kononnya mereka telah keluar dari agama Islam bagi mengelakkan campur tangan dan tindakan pihak berkuasa ke atas mereka. Aktiviti-aktiviti selalunya juga telah dikawal supaya tidak dapat diduga dan diperhatikan oleh masyarakat sekeliling. Walau bagaimana pun, menurut Penguatkuasa Syari'ah Daerah Besut, pergerakan mereka dalam keadaan senyap lebih berbahaya dari sebelumnya. Menurutnya lagi, pihak berkuasa samada pihak jabatan agama atau keselamatan akan sentiasa berkerjasama dalam usaha membenteryas masalah penyelewengan aqidah yang bukan sahaja merosakkan iman bahkan boleh mengancam keselamatan awam.